

Bahagian A
(10 markah)

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Qaireen seorang doktor pakar di sebuah hospital swasta.
_____ bertugas di hospital itu sejak lima tahun yang lalu.
A. Dia
B. Beliau
C. Mereka
D. Baginda

2. Redzuan terpaksa mengikuti kelas tambahan kerana _____ dalam mata pelajaran Matematik.
A. baik
B. bagus
C. lemah
D. pantas

Soalan 3

3. *Pilih ayat yang betul.*
A. Semoga penuhkan kerusi di bahagian hadapan.
B. Tolong bimbang akan keselamatan Aminah di sana nanti.
C. Harap disebut lagi nama lelaki yang tidak bertanggungjawab itu.
D. Jemput semua tetamu menikmati juadah yang sudah terhidang.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan – soalan yang berikutnya.

Hindari Laluan Bahaya

Kini, terdapat inovasi bagi alat penyukat. Pembuat kek dan pastri pasti memerlukan sudu istimewa ini. Sudu ini merupakan sudu berpenyukat digital. Alat ini mempunyai bentuk yang menarik dan unik.

Pemegangnya diperbuat daripada keluli tahan karat dan plastik yang berkualiti. Sudu ini ringan sahaja. Berat bahan yang disukat akan dipaparkan melalui skrin yang jelas. Sudu berpenyukat digital ini banyak keistimewaannya. Antaranya dapat menimbang dengan cepat dan tepat.

4. Apakah alat yang berinovasi bagi alat penyukat ?
 - A. Keluli tahan karat.
 - B. Plastik yang berkualiti.
 - C. Sudu berpenyukat digital.
 - D. Menimbang dengan cepat.
5. Perkataan inovasi dalam petikan boleh digantikan dengan perkataan _____
 - A. baru.
 - B. lama.
 - C. tepat.
 - D. cepat.
6. Semua pernyataan yang diberi adalah benar tentang sudu berpenyukat digital **kecuali**
 - A. sudu ini berat sahaja.
 - B. dapat menimbang dengan cepat dan tepat.
 - C. mempunyai bentuk yang menarik dan unik.
 - D. Pemegangnya diperbuat daripada keluli tahan karat.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan – soalan yang berikutnya.

Bahan 1**Cara – cara Menjaga Kesihatan**

1. Melakukan aktiviti riadah
2. Menjaga hubungan sesama manusia dan tuhan
3. Mendapatkan rehat dan tidur yang cukup
4. Menjalani pemeriksaan kesihatan
5. Menjaga kebersihan diri dan persekitaran
6. Mengamalkan pemakanan seimbang

Bahan 2

Kita perlu mengamalkan langkah – langkah pencegahan penyakit tangan–kaki dan mulut. Antara langkah pencegahan tersebut termasuklah mencuci tangan dengan air dan sabun. Selain itu, kita perlu membuat saringan pemeriksaan di sekolah.

Kita juga perlu membersihkan barangan yang terkena air liur anak seperti permainannya. Ketika bersin dan batuk, kita harus menutup mulut dan hidung. Akhir sekali, kita tidak boleh membawa pesakit ke tempat awam untuk mengelakkan penularan.

7. Antara cara menjaga kesihatan ialah
- A. mendapatkan rehat dan tidur.
 - B. menjalani pemeriksaan kesihatan.
 - C. mengamalkan pemakanan kesihatan.
 - D. melakukan aktiviti dan rehat sesama manusia.
8. Antara langkah mengelakkan penularan penyakit tangan–kaki dan mulut ialah
- A. membersihkan barangan.
 - B. menutup mulut dan hidung.
 - C. membawa pesakit ke tempat awam.
 - D. mencuci tangan dengan air dan sabun.

9.

Melakukan aktiviti riadah.

Perkataan yang bergaris boleh digantikan dengan perkataan _____

- A. tidur.
 - B. makan.
 - C. senaman.
 - D. kesihatan.
10. Pernyataan yang diberikan **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas **kecuali**
- A. menjalani pemeriksaan kesihatan.
 - B. terdapat lima cara menjaga kesihatan.
 - C. mendapatkan rehat dan tidur yang cukup.
 - D. menutup mulut dan hidung ketika bersin dan batuk.

Bahagian B
(10 markah)

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan – soalan berikutnya.

Jahitan tulang belut satu seni dalam jahitan. Jahitan ini biasanya terdapat pada leher baju kurung tradisional dan baju Melayu teluk belanga.

Jahitan tulang belut yang cantik dihasilkan secara bertindih – tindih, serong dan meruncing. Masih belum ada tukang jahit yang dapat menjahit tuang belut dengan mesin. Oleh itu, seni jahitan ini begitu berharga dan istimewa sehingga kini serta diminati kerana mempunyai nilai tradisi yang tinggi.

a) Maksud istimewa ialah _____
(1 markah)

b) Bagaimanakah jahitan tulang belut yang cantik dihasilkan ?

(2 markah)

c) Gariskan **satu kata hubung** dalam ayat yang diberikan.

Jahitan tulang belut yang cantik dihasilkan secara bertindih – tindih, serong dan meruncing.

(1 markah)

- d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Jahitan ini biasanya terdapat pada leher baju kurung tradisional dan baju Melayu teluk belanga.

Jahitan ini biasanya terdapat pada baju Melayu teluk belanga dan leher baju kurung tradisional.	
Jahitan ini biasanya terdapat pada leher baju kurung teluk belanga dan baju Melayu tradisional.	

(1 markah)

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.


Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Aysar sedang makan bersama rakan - rakannya di kantin sekolah. Tiba – tiba dia melihat seorang murid tahun satu sedang menangis di penjuru kantin tanpa ditemani oleh sesiapa.

Nyatakan tindakan yang akan Aysar lakukan.

Tuliskan pendapat kamu tentang aktiviti tersebut berdasarkan maklumat yang diberikan.

Panjangnya jawaban kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There is no handwriting or other markings on the paper.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper appears slightly aged or off-white.